

UM 18 AUG 2001

UMNO mahu perjelaskan isu tahap pencapaian pelajar bumiputera

KUALA TERENGGANU 17 Ogos – UMNO Terengganu akan menggerakkan program penerangan di seluruh negeri **bagi memberi** penjelasan kepada rakyat mengenai tahap pencapaian pelajar bumiputera.

Pengerusi **Badan Perhubungan** UMNO Negeri, Datuk Seri Abdullah **Ahmad** Badawi berkata, **ini** merupakan **salah** satu langkah susulan **setelah Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad **memberi** amanat mengenai perkara itu di Kuala Lumpur **baru-baru ini**.

Menurut Timbalan **Perdana Menteri**, **bagi** UMNO, pendidikan adalah pendekatan yang **amat** penting **bagi** menjayakan **perjuangan** untuk memartabatkan **bangsa** dan memajukan Malaysia dari pelbagai aspek.

"Kedudukan Melayu yang agak tertinggal perlu dibela dan pembelaan adalah melalui pendidikan. **Kita** lihat sekarang, **banyak** perkara yang boleh membuatkan **kita** bersyukur **atas kejayaan** kedudukan orang Melayu.

"Jika dulu golongan bumiputera yang maju **sangat kecil**, sekarang **kita** boleh berbangga kerana sudah **ada** golongan **cen-dekiawan** dan profesional dalam pelbagai bidang dari kalangan bumiputera," katanya.

Beliau menyatakan **demikian** kepada pemberita selepas mempengerusikan **Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO** negeri di **sini hari ini**.

Abdullah yang **juga** Timbalan Presiden UMNO **menegaskan**, semua **pencapaian** itu walaupun **adalah satu kejayaan**, **tetapi ia** masih ketinggalan jika diukur dengan **kejayaan** kaum bukan bumiputera.

Katanya, pelbagai langkah yang lebih **hebat** perlu diambil untuk meningkatkan **lagi** kejayaan itu selaras dengan misi memartabatkan **bangsa melalui kecemerlangan** dalam bidang pendidikan.

"Ada **orang** cakan, UMNO tidak **memikirkan hal agama**. **Tapi** pendidikan inilah yang paling dekat dengan agama kerana wahyu Tuhan kepada Rasulullah sendiri berbunyi 'Iqra' yang bermaksud, bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan," jelas beliau.